

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

YB TIMBALAN MENTERI MENINJAU KEDUDUKAN BEKALAN DAN MEMANTAU PELAKSANAAN SHMMP KRISMAS 2022 DALAM LAWATAN RASMI KE KUANTAN, PAHANG

KUANTAN, 25 Disember 2022 – Hari ini YB Senator Puan Hajah Fuziah Binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengadakan lawatan kerja di Kuantan, Pahang. Lawatan ini merupakan lawatan kerja beliau yang pertama sejak dilantik sebagai Timbalan Menteri KPDN pada 9 Disember lalu.

2. Lawatan pada hari ini adalah untuk meninjau operasi pembungkusan minyak masak polibeg 1kg bersubsidi di Syarikat Palma Unggul Enterprise, Kuantan, pemilik jenama minyak masak Cap Ikan Emas. Syarikat ini telah beroperasi sejak tahun 2018 dengan pengeluaran kira-kira 10 metrik tan sehari atau 200 metrik tan sebulan. Minyak masak keluaran syarikat ini kemudian diedarkan kepada Pemborong, Pasaraya dan Peruncit di sekitar Kuantan. Sebagai rekod, sejumlah 300 syarikat pembungkusan minyak masak telah dilesenkan oleh kerajaan untuk membungkus kira-kira 60,000 metrik tan minyak masak bersubsidi sebulan ke dalam kemasan 1kg polibeg dalam program *Cooking Oil Stabilization Scheme (COSS)*.

3. Turun padang kedua seterusnya adalah ke Stesen Minyak Shell Taman Tas bagi pemeriksaan dan pengujian penentusahan Pam Dispenser Minyak di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972. Tujuan pemeriksaan ini bagi memastikan bacaan liter minyak yang diisi dan nilai yang dibayar oleh pengguna adalah tepat. Selain itu, lawatan ini juga merupakan libat-urus bagi mendapatkan input dan data pengoperasian daripada pengusaha stesyen minyak.

4. Seterusnya, YB. Timbalan Menteri telah mengadakan pemeriksaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas di Pasaraya Fresh Choice yang telah memasuki hari ketiga pelaksanaannya. Tujuan pemeriksaan ini diadakan adalah untuk melihat sendiri tahap pematuhan peniaga terhadap pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Krismas 2022 selain mendapatkan maklumat yang jelas berhubung isu dan permasalahan yang berlaku di lapangan khususnya berkaitan harga barangan dan situasi bekalan keperluan ketika ini. Selain itu, lawatan ini juga antara lain bertujuan untuk memaklumkan kepada rakyat tentang langkah Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup (COL) dan kenaikan harga barangan.

5. Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2022 telah dilaksanakan bermula 23 Disember 2022 dan akan berakhir pada 27 Disember 2022. Ianya meliputi dua (2) hari sebelum perayaan, hari ini satu (1) hari semasa perayaan dan dua (2) hari selepas perayaan.

6. Sebanyak 11 jenis barangan yang dikawal harganya sepanjang tempoh pelaksanaan SHMMP Krismas 2022 iaitu:

- | | | |
|--|---|--|
| (i) Daging Kambing Biri-Biri Import Bertulang | } | Dikawal di
Seluruh Negara |
| (ii) Tomato | | |
| (iii) Lada Benggala Hijau | | |
| (iv) Kubis Bulat Import (China dan Indonesia) | | |
| (v) Lobak Merah | | |
| (vi) Ubi Kentang Import (China) | | |
| (vii) Ayam Tua Hidup (Dikawal di Sarawak sahaja) | } | Dikawal di
Sarawak, Sabah
dan WP Labuan sahaja |
| (viii) Kepak Ayam | | |
| (ix) Babi Hidup (Dikawal peringkat ladang) | | |
| (x) Daging Babi (Perut) | | |
| (xi) Daging Babi (Daging dan Lemak) | | |

7. Penentuan harga barangan bagi negeri-negeri dibuat mengikut kesesuaian harga pasaran semasa dan mengambil kira faktor perubahan harga khususnya bagi barangan import yang dipengaruhi oleh harga daripada negara asal, perubahan kadar tukaran mata wang dan peningkatan kos utiliti penternak. Selain itu, pandangan juga diperolehi melalui sesi libat urus yang telah diadakan bersama pihak industri, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) serta agensi di bawahnya.

8. Seramai lebih 2,000 anggota penguat kuasa akan berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani, pasar tamu dan pasaraya untuk menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan.

9. Pihak Kementerian juga berharap dengan pelaksanaan Skim ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban pengguna berikutan peningkatan kos sara hidup yang berlaku ketika ini selain memastikan bekalan barangan tertentu mudah diperolehi sepanjang musim perayaan.

10. Dalam situasi kos sara hidup yang tidak menentu ini, pengguna disarankan untuk bijak di dalam menguruskan perbelanjaan harian termasuklah dengan melakukan perbandingan harga di lokaliti tertentu sebelum melakukan pembelian melalui kemudahan aplikasi *Price Catcher* yang disediakan oleh pihak Kementerian sebagai salah satu langkah untuk berjimat-cermat dan mengelakkan daripada dimanipulasi oleh segelintir peniaga yang tidak bertanggungjawab. Sejak hari pertama pelaksanaan skim harga maksimum dilancarkan, sebanyak 1,008 premis telah di periksa dan setakat ini tiada aduan atau kes di hasilkan.

11. Dalam masa yang sama juga, iaitu bermula 16 Disember 2022, KPDN telah melancarkan Ops Khas yang dinamakan sebagai OPS TERJAH. Objektif utama dalam OPS TERJAH ini adalah untuk:

- i. Melihat sendiri masalah bekalan dan harga barangan asas;
- ii. Mengenalpasti zon atau kawasan mana yang terjejas dengan bekalan dan harga serta tahap keseriusannya; dan
- iii. Mengenalpasti punca utama kenapa berlakunya isu rantaian bekalan dan harga barangan keperluan asas.

12. Melalui dapatan daripada OPS TERJAH ini, KPDN akan mengambil langkah perlu untuk memastikan kestabilan bekalan barangan di pasaran.

Data-data yang diperolehi semasa pelaksanaan OPS Terjah ini akan dianalisa untuk memastikan realiti yang sebenarnya; samada kekurangan bekalan berlaku secara menyeluruh ataupun mengikut lokasi / negeri serta mengetahui kecekapan penyaluran atau pengedaran bekalan dari pengeluar ke pembekal/ pemborong sebelum sampai ke peruncit dan pengguna.

13. Di bawah OPS Terjah, sebanyak 4,730 premis telah di periksa sehingga hari ini dan sebanyak 1,220 premis di dapati mempunyai masalah kekurangan bekalan di seluruh negara terutama melibatkan komoditi telur ayam dan juga minyak masak paket. Usaha-usaha segera telah diambil untuk memulihkan bekalan tersebut.

14. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku peniaga yang berkaitan boleh melaporkan kepada pihak KPDN bersama butiran aduan yang lengkap melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp **019-279 4317 / 019-848 8000**
- ii. Portal Aduan **e-aduan.kpdnhep.gov.my**
- iii. Call Centre **1-800-886-800**
- iv. Emel **e-aduan@kpdnhep.gov.my**
- v. Aplikasi **Ez ADU** KPDNHEP
- vi. Pusat Gerakan Penguatkuasaan **03-8882 6008 / 6245**

YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

KUANTAN, 25 DISEMBER 2022

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang ditubuhkan pada 27 Oktober 1990 kini telah diperkukuhkan strukturnya dengan nama baharu iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran. Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

